

Pilih respons yang sesuai.



Mendengar dan Bertutur



Menjaga Keselamatan Penduduk

Hasan, beritahu ayah kamu bahawa malam esok beliau perlu datang awal ke pondok kawalan keselamatan.

Minta ayah kamu bawa lampu picit.

Baiklah, Pak Cik Hairi. Saya akan memberitahu ayah bahawa beliau perlu datang awal ke pondok kawalan keselamatan malam esok.

Baiklah. Saya akan memberitahu ayah saya bahawa ...

Ayah, Pak Cik Hairi berpesan, ayah perlu datang awal ke pondok kawalan keselamatan dan membawa lampu picit.



Buku Teks, muka surat 13

Cikgu Jowana SKSS

Aktiviti 1

Pilih respons yang sesuai.

Penghulu yang Bertanggungjawab



Penghulu: Osman, berikan surat ini kepada ibu kamu.

Osman: Baiklah. Saya akan _____.

Penghulu: Beritahu ibu kamu, esok datang ke pejabat saya.

Osman: Saya akan _____.

Penghulu: Selain itu, pesan kepada ibu kamu supaya bawa kad pengenalan dan maklumat keluarga.

Osman: Baiklah. Saya akan berpesan _____.

Penghulu: Saya pergi dahulu. Jangan lupa beritahu ibu kamu supaya datang ke pejabat saya, esok.

Osman: Terima kasih, tuan. Saya akan _____.